

Afirmasi Numerik *Ahada* dan *Wahada* dalam Al-Quran

[Numeric Affirmation of *Ahada* and *Wahada* in The Quran]

Intan Nor Syahira Ahmad¹ & Md. Nor Abdullah^{1*}

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: intansyahira20@gmail.com; monab@ukm.edu.my

*Corresponding Author: monab@ukm.edu.my

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 209-217
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 28 September 2024
Accepted: 22 October 2024
Published: 22 November 2024

Abstrak

Penyebutan elemen bilangan dalam al-Quran merupakan satu dimensi penting. Ia berfungsi dan mempunyai peranan terutama untuk memahami setiap ayat-ayat al-Quran. Namun, kefahaman berkenaan penggunaan dan penyebutan setiap elemen bilangan dalam ayat kurang mendapat perhatian dikalangan pengkaji. Artikel ini bertujuan menganalisis lafadz *ahada* dan *wahada* dalam al-Quran dari perspektif retorik. Pengumpulan data menggunakan teknik pembacaan teks dan analisis dokumen. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan interpretasi. Kajian ini mendapati bahawa penyebutan dan penggunaan lafadz *ahada* dan *wahada* dalam al-Quran tidak menunjukkan makna bilangan sahaja bahkan penyebutannya juga berhubung kait dengan perbincangan retorik dalam al-Quran. Uslub penegasan (*taukid*) antara elemen retorik yang banyak digunakan menerusi kedua-dua lafadz *ahada* dan *wahada* dalam al-Quran.

Kata kunci: al-Quran, uslub penegasan, *taukid*, bilangan

Abstract

The mention of numerical elements in the Quran is an important dimension. It serves a significant role in understanding each verse of the Quran. However, the importance of the use and mention of each numerical element within the verses has received little attention among researchers. This article aims to analyze the terms *ahada* and *wahada* in the Quran from a rhetorical perspective. Data collection was conducted through text reading techniques and document analysis. Subsequently, the data was analyzed using an interpretative approach. The study found that the mention and use of the terms *ahada* and *wahada* in the Quran not only signify numeric meanings but also relate to rhetorical discourse within the Quran. The style of affirmation (*tawhid*) is one of the rhetorical elements frequently used through both terms *ahada* and *wahada* in the Quran.

Keywords: Quran, affirmation style, *taukid*, number

Cite This Article:

Intan Nor Syahira Ahmad & Md. Nor Abdullah. (2024). Afirmasi Numerik Ahada dan Wahada dalam Al-Quran [Numeric Affirmation of Ahada and Wahada in The Quran]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 209-217.

Pengenalan

Sarjana i‘jaz al-Quran membicarakan tentang bilangan huruf dalam al-Quran, bilangan ayat, bilangan surah, bilangan perkataan dan mereka juga bercakap tentang bilangan titik di dalam al-Quran. Selain itu, mereka juga berdiskusi pengulangan huruf al-Qur`an bermula daripada Alif hingga huruf Ya`. Mereka menyebut jumlah perkataan yang bermula dengan huruf-huruf tersebut di dalam keseluruhan al-Quran. Sebutan mereka sangat terperinci dan bersifat komprehensif sebagai khidmat kepada al-Qur`an dan peminatnya. Semuanya bertujuan menyerlahkan kehebatan dan kemukjizatan al-Quran. Antara lafaz numerik al-Quran adalah *ahada* dan *wahada*. Artikel ini meninjau kelangsungan estetik dan artistik kedua lafaz tersebut daripada aspek gaya bahasa dan idea retorik di dalam al-Qur`an.

Keperluan dalam menghasilkan kajian-kajian sebegini dikuatkan lagi dengan kenyataan daripada Izza Rohman (2014) yang menegaskan bahawa kajian *al-‘ijaz al-‘adadi* dan *tafsir al-Quran bi al-Quran* mempunyai titik temu serta masih kurang diterokai walhal ia sangat memberi manfaat yang besar dalam dunia keilmuan melibatkan kedua-dua bidang kemukjizatan al-Quran dan tafsir al-Quran. Hal ini kerana kajian kemukjizatan al-Quran sering dikaitkan dengan keindahan gaya bahasa yang terdapat dalam al-Quran (Ahmad Kamal Embong 2019).

Sehubungan itu, kajian gabungan dengan memerhatikan kedua-dua sudut kemukjizatan al-Quran daripada aspek bahasa dan bilangan ini dirasakan perlu kerana melihat panduan daripada tokoh Islam, al-Zamakhsharī yang menyatakan bahawa seseorang itu tidak mampu untuk memahami rahsia-rahsia al-Quran melainkan dia seorang yang betul-betul mahir dalam ilmu balaghah (‘Abd al-Halim Hashim al-Sharif 1991).

Justeru, kelompongan kajian yang masih terdapat dalam kajian tersebut memerlukan pendedahan retorik secara mendalam dan analitik. Antara kajian yang boleh dibuat ialah mengkaji retorik dari sudut gaya bahasa seperti *taukid* atau *uslub* penegasan dalam al-Quran. Selain itu, pengkaji mendapati kajian-kajian berkaitan hubungan bilangan dalam al-Quran dan retorik al-Quran masih belum dibahaskan secara meluas..

Berdasarkan pernyataan masalah, penelitian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur retorik pada ayat mengandungi penggunaan lafaz *ahada* dan *wahada* dalam al-Quran. Sehubungan itu, kajian ini juga dilakukan bagi merungkai unsur-unsur retorik khususnya berkaitan *uslub* penegasan (*taukid*) yang dapat difahami menerusi kedua-dua lafaz yang dinyatakan dengan kaedah penelitian ilmiah. Ini dapat disimpulkan seperti berikut, mengenal pasti elemen-elemen retorik pada ayat mengandungi penyebutan lafaz *ahada* dan *wahada* dalam al-Quran yang dikategorikan sebagai *uslub* penegasan (*taukid*) serta menganalisis elemen retorik pada setiap ayat yang dinyatakan sekaligus merungkai fungsi dan peranan penyebutan lafaz *ahada* dan *wahada* dalam al-Quran.

Metode Penyelidikan

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan dan penganalisisan maklumat yang diperoleh yang berfokuskan kepada metode pengumpulan data secara analisis dokumen. Kajian kepustakaan adalah satu kajian yang dilakukan oleh

pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan data dari sumber buku-buku ilmiah, laporan, tesis, jurnal dan mikrofilem (Purwono, 2010). Melalui kaedah ini, beberapa pembacaan dan pengutipan sumber tertentu yang berkaitan dengan tajuk kajian telah dilakukan, iaitu merujuk sumber bacaan seperti buku, jurnal, kajian lepas untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan kajian serta menghasilkan kajian. Selain itu, kajian ini memfokuskan pada penyebutan lafaz *ahada* dan *wahada* dan elemen retorik iaitu *uslub* penegasan (*taukid*).

Pemilihan data ini berdasarkan ayat-ayat yang mengandungi penyebutan gaya bahasa pada ayat bilangan satu dalam al-Quran. Kesemua ayat-ayat tersebut akan dianalisis bagi menilai peranan penggunaan gaya bahasa dan fungsi penyebutan bilangan satu pada ayat yang dinyatakan Data-data yang diperolehi kemudiannya dianalisis melalui kaedah penganalisisan deskriptif, induktif dan komparatif dengan berpandukan teori *Nazm al-Jurjānī*.

Kajian Literatur

Stistik Bahasa pada Elemen Bilangan

Kajian mendapati bahawa pengaruh dari sudut bahasa mampu mengubah sesuatu bentuk penyebutan bilangan dalam al-Quran (Mahmūd Sulaiman Ḩ Alewī 2010). Manakala Esad Duraković & Lutvo Kurić (2014) dalam artikelnya bertajuk *Qur'an Stylistic and Mathematical Miracle* menghuraikan bahawa analisis stistik dan analisis matematik yang dilakukan menunjukkan bahawa unsur-unsur bilangan dalam al-Quran amat penting dalam memahami pentafsiran sesuatu ayat terutamanya pada ayat yang mengandungi penyebutan unsur bilangan secara jelas.

Penggunaan lafaz *ahada* dan *wahada* dalam al-Quran

Penggunaan bilangan satu pada ayat al-Quran dilihat penting kerana bilangan satu merupakan bilangan yang paling banyak disebutkan pada ayat-ayat al-Quran (Abd Rahman Su'ud Ibdāh 2016). Kajian Ḩ Abbas Ali Ḩ Abd Riḍā (2011) bertajuk *al-Āyāh al-Qurāniyyah wa Mafāhīm al-Riyādiyāt* mengatakan bahawa kedua-dua lafaz *ahad* dan *wahid* ini mempunyai makna yang sama. Bahkan, setiap penyebutan bilangan satu pada ayat al-Quran mempunyai makna yang pelbagai dan tidak terhad bagi menunjukkan maksud bilangan sahaja.

Ini dapat dilihat menerusi artikel Ḩ Ayid Muḥammad Ḩ Abdullah (2012) iaitu *Dilālāt ba'ḍ Alfaẓ al-‘Adad fī al-Qurān al-Karīm* yang mengupas berkaitan penggunaan bilangan satu dalam al-Quran yang bertujuan sebagai ayat penegasan dan penafian. Bahkan penulis turut menyatakan penyebutan bilangan satu yang terdapat dalam al-Quran digunakan dengan makna yang luas antaranya bertujuan untuk menunjukkan sesuatu perkara yang dinyatakan tersebut sama ada dari segi kuantiti iaitu banyak atau untuk menunjukkan sesuatu perkara itu disebutkan dalam bentuk umum mahupun khusus. Kenyataan ini turut disokong oleh Sālim Ghānim (2020) dalam penulisannya *al-‘Adad wa al- Ma'dud fī al-Qurān al-Karīm Dirāsah Dilāliyyah* yang mendedahkan bahawa makna lafaz *wahid* yang disebut dalam surah al-Baqarah ayat 61 jika diperhatikan dari sudut semantik ayat yang dinyatakan, maka didapati bahawa makna lafaz

tersebut menunjukkan kepada makna *al-tabaddul wa ikhtilaf* bukan bermaksud bilangan satu yang *mufrad*. Oleh itu, maksud bilangan *wahid* yang lebih tepat pada ayat ini ialah peristiwa yang sentiasa berulang-ulang (*'adad mutakarrir*).

Makna Bilangan dalam al-Quran

Misbahuddin (2011) dalam penulisannya bertajuk *Makna Bilangan Angka dalam al-Quran* menggariskan sebanyak 38 jenis bilangan yang disebutkan dalam al-Quran dan berpendapat bahawa ia disebutkan dengan tujuan tertentu. Kajian tentang bilangan telah dibahaskan secara umum sehingga ke peringkat perbahasan yang melibatkan ayat-ayat al-Quran. Menurut Hasan Khalaf & Rasūl Balāwī (2016) dalam penulisannya bertajuk *al-Dilālāt al-Majāzīyyah li al-'Adad al-Asliyyah fī al-Qurān al-Karīm* yang menyentuh perbincangan tentang makna bilangan mendapati bahawa beberapa bilangan dalam al-Quran seperti bilangan tujuh, sepuluh, tujuh puluh, tujuh ratus, seribu, lima puluh ribu yang disebut dalam al-Quran sebahagiannya menunjukkan kepada makna banyak tidak merujuk kepada makna bilangan tersebut. Hal ini demikian kerana bilangan dalam al-Quran disebutkan bertujuan untuk menyatakan tentang bilangan sesuatu perkara itu banyak dalam bentuk *majāz* mahupun dalam bentuk *kināyah*.

Ilmu pengetahuan dan kemukjizatan al-Quran tidak terhad kepada terjemahan ayat namun ia turut melibatkan susunan ayat, surah, perkataan dan huruf yang dipilih bagi membentuk satu makna yang lengkap (Hazwani Che Ab Rahman, Abdul Latif Samian & Nazri Muslim 2017). Kajian Māhir Ahmad Şufi (2007) bertajuk *Āyātullah fī al-Arqām wa Ma'ānīhā wa Fawātiḥ al-Suwar fī al-Qurān al-Karīm* mendapati aspek bilangan turut dititikberatkan oleh Allah SWT dalam menyusun sesuatu ayat dan perkataan-perkataan yang berbeza tersebut diletakkan dalam bentuk khusus bertepatan dengan maksud yang ingin disampaikan. Penyebutan bilangan ini dalam al-Quran didapati berfungsi sebagai *tamthīl*, *kināyah* (kiasan), gandaan yang melampau (*mubālaghah*), dinyatakan bagi menunjukkan bilangan banyak (*takthīr*) Zahidan Abd Wahab (2004).

Kerangka Teori

Kajian gaya bahasa pada setiap ayat yang dinyatakan ini dijalankan berpandukan teori *Nazm* al-Quran. Sarjana *Balaghah* yang mendalamidi bidang *i'jāz* al-Quran dari aspek bahasa menyebut teori *Nazm* ini sebagai teori konstruksi. Teori *Nazm* ini mula diperkenalkan dan merupakan hasil cetusan idea *'Abd al-Qāhir al-Jurjānī* menerusi karyanya bertajuk *Dalā'il al-I'jāz*. Beliau juga merupakan seorang tokoh linguistik bahasa Arab yang terkemuka.

Teori Konstruksi al-Jurjānī digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Teori ini turut dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji dalam menjalankan analisis bagi setiap ayat yang mengandungi penyebutan gaya bahasa bagi merungkai peranan dan fungsinya. Selain itu, teori ini turut mengaitkan peranan makna *nahu* kerana menurutnya *nazm* sesuatu ayat adalah berpusatkan makna nahu (Khairul Asyraf Mohd Nathir et al. 2019).

Signifikan Kajian

Kajian ini sangat penting sebagai panduan juga menambahkan ruang idea kepada pengkaji pada masa akan datang untuk turut mengetengahkan perbincangan berkaitan keindahan gaya bahasa yang terdapat pada setiap ayat al-Quran dalam kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jāz 'adadī*). Pemilihan bilangan satu dalam kajian ini pula adalah mengambil pandangan daripada Ling Misbahuddin (2011) yang mengatakan bilangan satu merupakan bilangan yang paling banyak disebutkan dalam al-Quran. Dalam mengetengahkan ayat-ayat yang mengandungi bilangan satu merangkumi lafaz *ahāda* dan *wahāda* dalam al-Quran secara retorik, ia membawa kepada penemuan kemukjizatan al-Quran dari sudut bilangan. Hal ini dilihat dalam gaya bahasa yang terdapat pada setiap ayat tersebut. Walaupun kajian lepas menghuraikan bahawa bilangan ini merupakan bilangan yang penting dan paling banyak disebutkan dalam al-Quran, namun kajian menyentuh elemen balaghah masih tidak dibincangkan secara menyeluruh. Kajian ini dilihat signifikan dalam memahami peranan penggunaan gaya bahasa dan fungsi penyebutan bilangan satu pada ayat sebagai satu usaha untuk menyerlahkan lagi kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jāz 'adadī*).

Analisis Kajian

Nama Surah: al-Baqarah Ayat 163

Jadual 1: Contoh 1

Ayat al-Quran	Lafaz Ahāda/Wahāda	Fungsi
وَالْهُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ إِلَّا هُوَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِ	وَحْدَةٌ	Penegasan Allah SWT itu bersifat Esa. Penafian sepenuhnya akan sifat berbilang terhadap Allah SWT.

Nama Surah: al-Baqarah Ayat 213

Jadual 2: Contoh 2

Ayat Al-Quran	Lafaz Ahāda/Wahāda	Fungsi
كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَحْدَةً	وَحْدَةٌ	Penegasan (ta'kid ifrad) bagi lafaz أُمَّةٌ

Nama Surah: al-Ahzab Ayat 39

Jadual 3: Contoh 3

Ayat Al-Quran	Lafaz Ahada/Wahada	Fungsi
الَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسْلَتَ اللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا اللَّهُ وَكَفَى بِاللَّهِ حَسِيبًا	أَحَدًا	Penegasan (<i>taukid</i>)

Nama Surah: al-Saaffat Ayat 4

Jadual 4: Contoh 4

Ayat Al-Quran	Lafaz Ahada/Wahada	Fungsi
إِنَّ الْهَمَّ لَوَحْدَةٌ	وَحْدَةٌ	Penegasan (<i>taukid</i>)

Nama Surah: al-Jin Ayat 2

Jadual 5: Contoh 5

Ayat Al-Quran	Lafaz Ahada/Wahada	Fungsi
يَهْدِي إِلَى الرُّشْدِ فَنَامَنَا بِهِ وَلَنْ نَشْرُكْ بِرَبِّنَا أَحَدًا	أَحَدًا	<i>Maf'ul</i> <i>bih</i> berfungsi menunjukkan penegasan

Nama Surah: al-Ghafir

Jadual 6: Contoh 6

Ayat Al-Quran	Lafaz Ahada/Wahada	Fungsi
ذَلِكُمْ بِأَنَّهُ إِذَا دُعَىٰ إِلَى اللَّهِ وَحْدَهُ كَفَرُوكُمْ وَإِنْ يُشْرِكُ بِهِ ثُمَّ مُنْتَهٰ فَالْحُكْمُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْكَبِيرِ	وَحْدَهُ	<i>Hal</i> yang berfungsi sebagai penegasan (<i>taukid</i>) Pengukuhan Allah SWT bersifat tunggal

Nama Surah: Surah al-Balad Ayat 5&7

Jadual 7: Contoh 7

Ayat Al-Quran	Lafaz Ahada/Wahada	Fungsi
أَيْخَسَبْتُ أَنْ لَمْ يَقْدِرْ عَلَيْهِ أَحَدٌ أَيْخَسَبْتُ أَنْ لَمْ يَرِهِ أَحَدٌ	أَحَدٌ	<i>Mubalaghah</i> dan <i>taukid</i>

Nama Surah: al-Ikhlas Ayat 1&4

Jadual 8: Contoh 8

Ayat Al-Quran	Lafaz Ahada/Wahada	Fungsi
قَنْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ	أَحَدٌ	Penegasan tentang sifat Esa Allah SWT

Hasil Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa *uslub* penegasan (*taukid*) merupakan elemen retorik yang banyak digunakan dalam ayat-ayat al-Quran yang mengandungi penyebutan lafaz *ahada* dan *wahada*. Antara elemen yang sering digunakan sasterawan ialah metafora, dengan dapatkan hasil menemukan 13 elemen metafora dalam tujuh puisi berlainan. Dan seterusnya diikuti hiperbola mempunyai lapan elemen, manakala personifikasi mempunyai tujuh elemen, lima elemen *sinkope*, tiga elemen pada setiap elemen inversi dan rima akhir tidak sempurna, dua elemen pada alusi dan satu elemen pada setiap satu *disonansi*, pengulangan dan ironi. Ini menjadikan jumlah elemen secara keseluruhan mempunyai 44 jumlah elemen dalam tujuh puisi. Justeru diterangkan melalui carta pai di bawah

Kesimpulan

Penyebutan setiap lafaz melibatkan bilangan dalam al-Quran mempunyai banyak nilai retorik. Ia dibina atas seni retorik yang mendalam bagi memperhalusi cara penyampaian makna kepada pembaca. Susunan dan kedudukan setiap lafaz termasuk penyebutan bilangan perlu diteliti dari sudut makna agar tujuan dan fungsi memenuhi matlamat ayat yang ingin difahami secara menyeluruh dari setiap aspek kemukjizatan al-Quran. Hal ini demikian kerana penyebutan unsur bilangan khususnya lafaz *ahada* dan *wahada* dalam ayat-ayat al-Quran tidak membahaskan berkaitan makna bilangan namun perbincangan lafaz ini lebih luas merangkumi elemen retorik serta mengandungi peranan dan fungsi tertentu dalam menyerlahkan lagi kemukjizatan al-Quran. Justeru, unsur bilangan dalam al-Quran tidak hanya memfokuskan kepada bilangan dan kiraan sahaja bahkan bilangan dalam al-Quran mempunyai kedudukan yang istimewa kerana mengandungi signifikan tertentu jika diteliti dan dikaji dari aspek melibatkan ilmu-ilmu bahasa Arab.

RUJUKAN

- Abd ^cRiḍā, ^cAbbas ^cAli. 2011. Al-Āyāh al-Qurāniyyah wa Mafāhīm al-Riyādiyāt. Al-Mu’tamar al-Dawlī al-Thalith li I’jāz al-^cAdadī fī al-Quran al-Karīm. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah ^cĀyid Muhammad. 2012. Dilālāt Ba^cđ Alfāz al-^cAdad fī Al-Quran al-Karīm. *Journal of al-Qadisiya in art and educational sciences*, 11(3-4): hlm:50-62.

- Esad Duraković & Lutvo Kurić. 2014. *Qur'an: Stylistic and Mathematical Miracle*. Lamia Kulenović (terj.). Sarajevo: Filozofski Fakultet U Sarajevu.
- Ghānim, Sālim. 2020. Al-^cAdad wa al-Ma^cdud fī al-Quran al-Karīm: Dirāsah Dilāliyyah. Al-Mu'tamar al-Dawlī al-Thalith li I^cjāz al-^cAdadī fī al-Quran al-Karīm. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hazwani Che Ab Rahman, Abdul Latif Samian & Nazri Muslim. 2017. Mathematical Arts of the Quran. *African Journal of Basic & Applied Sciences* 9 (5): 251-258.
- Jurjānī al-, Abd al-Qāhir. 1998. *Dalā'il al-Ijāz fī 'Ilm al-Ma^cāni*. al-Sayyid Muḥammad Rashīd Riḍā (pnyt.). Ed. ke-2. Beirut Lubnan: Dār al-Ma^crifah.
- Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Wan Muhammad Wan Sulong. 2019. Penggunaan Perisian Atlas.Ti 8 Dan Maktabah Syamilah Dalam Kajian Kualitatif Bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 5(2): 57-67.
- Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman. 2021. I^cjāz Bayāni Dan Perkembangan Kajian Menerusi Al-Qur'an. *AL- 'ABQARI Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 2(1), hlm: 29-45.
- Khalaf, Hasan & Balāwī, Rasūl. 2016. al-Dilālāt al-Majāziyyah li al-^cAdad al-Aṣliyyah fī al-Quran al-Karīm. Al-Mu'tamar al-Dawlī al-Thalith li I^cjāz al-^cAdadī fī al-Quran al-Karīm. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ling Misbahuddin. 2011. Makna Bilangan Angka dalam al-Quran. *Jurnal at-Taqaddum*, 3(1): 47-60.
- Sufī, Māhir Ahmad. 2007. Āyātullah fī al-Arqām wa Ma^cānīhā wa Fawātiḥ al-Suwar fī al-Quran al-Karīmi. Al-Mu'tamar al-Dawlī al-Thalith li I^cjāz al-^cAdadī fī al-Quran al-Karīm. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zahidan Abd Wahab. 2004. Angka Tujuh dalam al-Quran. Tesis Ijazah Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

LAMPIRAN A**Fungsi dan Peranan Lafaz *Aḥada* dan *Wahada* dalam Al-Quran**

No.	No. Ayat	Lafaz <i>aḥada/wahada</i>	Fungsi pada Ayat
1.	163	وَحْدَةٌ	Penegasan Allah SWT itu bersifat Esa. Penafian sepenuhnya akan sifat berbilang terhadap Allah SWT.
2.	213	وِحْدَةٌ	Penegasan (<i>ta'kīd ifrad</i>) bagi lafaz أُمّةٌ
3.	39	أَحَدًا	Penegasan (<i>taukid</i>)
4.	4	لُوْحَدَةٌ	Penegasan (<i>taukid</i>)
4.	2	أَحَدًا	<i>Maf'ul bih</i> berfungsi menunjukkan penegasan
6.	12	وَحْدَةٌ	<i>Hal</i> yang berfungsi sebagai penegasan (<i>taukid</i>) Pengukuhan Allah SWT bersifat tunggal
7.	5&7	أَحَدٌ	<i>Mubalaghah</i> dan <i>taukid</i>
8.	1&4	أَحَدٌ	Penegasan tentang sifat Esa Allah SWT